



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 4/2010**

**PENETAPAN KAEDAH BAYARAN ANSURAN TUNGGAKAN CUKAI
TANAH NEGERI SEMBILAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini dikeluarkan adalah sebagai makluman kepada semua Pentadbir Tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai penetapan kaedah bayaran ansuran tunggakan cukai tanah Negeri Sembilan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Menurut Kaedah 16(2) Kaedah-kaedah Tanah Negeri Sembilan 2002 (N.S.P.U.25) Pindaan 2010, penurunan kuasa telah diberikan kepada Pentadbir Tanah Daerah bagi menerima pembayaran cukai tanah secara ansuran.

- 2.2 Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Sembilan bertarikh 19.5.2010 telah bersetuju untuk menetapkan kaedah pelaksanaan penerimaan pembayaran cukai tanah secara ansuran tersebut yang mana telah diputuskan bahawa permohonan ini hanya tertakluk kepada cukai tanah tertunggak sahaja.
- 2.3 Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Sembilan juga telah bersetuju untuk menghapuskira sebanyak 15% daripada kadar pengenaan denda lewat bagi hakmilik yang mempunyai tunggakan cukai sebelum Pindaan Cukai Tanah 2005. Oleh yang demikian, kadar denda bagi hakmilik yang mempunyai cukai tertunggak sebelum tarikh tersebut akan dapat diselaraskan pada kadar 5% sebagaimana penetapan denda lewat menurut Pindaan Cukai Tanah 2005.

3. PELAKSANAAN

- 3.1 Setiap permohonan hendaklah dibuat kepada Pentadbir Tanah di Pejabat Tanah Daerah di mana tanah tersebut terletak melalui Borang PTGNS BAC. Borang berasingan hendaklah digunakan bagi setiap hakmilik yang dipohon.
- 3.2 Bayaran ansuran hendaklah dibuat dalam tempoh 1 hingga 7 haribulan setiap bulan. Tempoh maksimum adalah enam (6) bulan atau bilangan tahun tertunggak termasuk tahun semasa yang mana lebih kecil.

Contoh:

Tahun Tunggakan	:	2007 - 2009
Tahun Mohon	:	2010
Bilangan Ansuran dibenarkan	:	4 kali sahaja / 4 bulan

- 3.3 Pemohon perlu membuat pembayaran awal sebanyak 20% daripada jumlah keseluruhan tunggakan sebagai komitmen kepada bayaran ansuran yang seterusnya. Resit bayaran hendaklah dikemukakan bersama borang permohonan.
- 3.4 Bagi semua hakmilik yang mempunyai tunggakan sebelum Pindaan Cukai Tanah 2005, sama ada memohon membayar secara ansuran ataupun tidak, denda diselaraskan semula pada kadar 5% atas jumlah tertunggak.
- 3.5 Sekiranya pemohon gagal mematuhi jadual pembayaran ansuran seperti yang telah ditetapkan, tindakan penguatkuasaan di bawah Seksyen 97 dan 98 Kanun Tanah Negara 1965 akan diambil bagi baki cukai tahunan yang masih tertunggak. Manakala keseluruhan hasil yang telah dibayar akan dianggap sebagai hasil Kerajaan Negeri.
- 3.6 Pengurangan denda lewat tidak melebihi 50% hanya boleh diberikan kepada pemohon yang ingin membuat bayaran penuh sahaja.

4. **TARIKH KUATKUASA**

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.


(DATO' ZAFFARUDIN BIN SHARIF)
Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 20 Mei 2010
Rujukan : (16) dlm. PTG.NS 10/14 Klt. 2

NO. HAKMILIK:

Untuk kegunaan pejabat

PEJABAT TANAH DAERAH

.....

**BORANG PERMOHONAN
BAYARAN ANSURAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH**

- * Borang ini diisi untuk satu (1) Hakmilik sahaja.
* Pemohon adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan.

A. BUTIRAN PEMOHON						
Nama:			No. K/P:			
Pekerjaan/Perniagaan:			No. Pendaftaran Syarikat:			
Alamat Pejabat:						
Alamat berdaftar/Surat menyurat:						
No. Tel Rumah:			Pendapatan sebulan:	RM		
No. Tel. Bimbit:			Pendapatan sampingan:	RM		
No. Tel. Pejabat:			Pendapatan suami/isteri:	RM		
Email:			Jumlah pendapatan:	RM		
B. BUTIRAN HAKMILIK						
Nama Pemilik:			Jenis & No. Hakmilik:	No. Lot:		
Mukim/Pekan/Bandar:			Jumlah cukai keseluruhan:			
C. KENYATAAN PERMOHONAN ANSURAN						
Jumlah bilangan ansuran yang dipohon (bulan):	1	2	3	4	5	6
*Tertakluk kepada maksimum 6 kali atau bilangan tahun tertunggak termasuk tahun semasa yang mana lebih kecil. Contoh: Tahun Tunggakan : 2007-2009 Tahun Mohon : 2010 Bilangan Ansuran dibenarkan : 4 kali / 4 bulan						
ALASAN PERMOHONAN ANSURAN (Sila tandakan/mana yang berkenaan)						
Tiada pendapatan tetap						
Mengalami masalah aliran wang tunai						
Lain-lain (sila nyatakan)						

NO. HAKMILIK:

Untuk kegunaan pejabat

D. PEMBAYARAN AWAL

Pembayaran awal sebanyak 20% daripada keseluruhan jumlah tunggakan termasuk denda dimestikan sebelum proses permohonan bayaran ansuran dibuat. Pembayaran awal merupakan komitmen pertama anda untuk pembayaran ansuran seterusnya.

Nonbor Hakmilik	No. Resit	Tarikh Bayaran	Amaun Bayaran

E. PENGAKUAN PEMOHON

- * Saya/Kami seperti nama di atas mengaku segala keterangan di atas adalah benar dan permohonan saya akan dibatalkan sekiranya terdapat mana-mana keterangan yang didapati adalah palsu.
- * Saya/Kami seperti nama diatas bersetuju akan membayar semua cukai tanah tertunggak yang dikenakan ke atas saya secara ansuran pada atau sebelum tarikh pembayaran mengikut Jadual Pembayaran.
- * Saya/Kami faham bahawa akibat kegagalan membayar mengikut jadual, hakmilik boleh dilucutkan hak kepada Pihak Berkuasa Negeri menurut Kanun Tanah Negara 1965 dan semua hasil yang telah dibayar akan dianggap sebagai hasil Kerajaan Negeri.

Nama Pemohon/Pembayar cukai:

Tandatangan:

Tarikh Permohonan:

* Sila lampirkan bersama:

- i) Salinan kad pengenalan pemohon (depan dan belakang).
- ii) Salinan bil cukai tanah tahun semasa.
- iii) Salinan resit bayaran awal 20%.

PERINGATAN

BAYARAN ANSURAN PERLU DIBUAT DALAM TEMPOH 1 HINGGA 7 HARIBULAN SETIAP BULAN

F. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT		
Perkiraan bayaran ansuran bulanan * sekiranya berkaitan		
Perkara		Jumlah (RM)
A.	Jumlah tunggakan dari tahun.....-..... Bilangan tahun tertunggak =	
B.	Denda lewat	
C.	Tambah (+) kutipan kurang/lain-lain kenaan	
D.	Tolak (-) kutipan lebih/remisyen	
E.	Cukai semasa	
F.	Denda lewat (5%) (tahun semasa)	
G.	*Cukai semasa (tahun berikutnya)	
H.	*Denda lewat (5%) (tahun berikutnya)	
I.	Jumlah keseluruhan (A+B+C+D+E+F+G+H)	
J.	Bayaran awal 20% x I	
K.	Baki cukai perlu dibayar (I-J)	
L.	Bilangan bulan ansuran (maksimum 6 bulan)	
M.	Bayaran bulanan (K/L) : Bulan 1 hingga	
	Bulan terakhir	

Diterima dan diproses oleh:	
Nama:	
Jawatan:	
Tarikh:	Tandatangan:
Disahkan oleh:	
Nama:	
Jawatan:	
Tarikh:	Tandatangan:
Diluluskan oleh:	
Nama:	
Jawatan:	
Tarikh:	Tandatangan:

Senarai Edaran

Pentadbir Tanah Daerah

Seremban
Port Dickson
Tampin
Kuala Pilah
Rembau
Jelebu
Jempol

Timbalan Pentadbir Tanah
Daerah Kecil Gemas

Edaran Dalaman

Timbalan Pengarah (Pd)
Penolong Pengarah (HM/S)
Penolong Pengarah (P/HM)
Penolong Pengarah (H)
Penolong Pengarah (P)
Penolong Pengarah (PT)
Penolong Pengarah (TM)
Penolong Pengarah (U)

s.k. Setiausaha Sulit Kepada Y.A.B Menteri Besar Negeri Sembilan

Y.B Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan

Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Sembilan

Y.B Pegawai Kewangan Negeri Sembilan